

Isnin – 17 Ogos 2020

Halaman : 27

SINAR HARIAN • ISNIN 17 OGOS 2020

Sinar suara cakna komuniti anda
JAJUH · TANGGUNG JAWAB · BERWAKASAN · DISPLIN · KERUSAMA · ADE · PRIMATIN
harian

NEGERI

• PERAK

#JanganPutusAsa
#Malaysia

27

Terdedah ancaman buaya

Penduduk orang asli terputus bekalan air sejak tujuh bulan lalu turut terdedah dengan bekalan air tercemar

Oleh NOORAINON
MOHAMED YUSOF

TANJUNG MALIM

Lebih 100 penduduk Kampung Orang Asli Changkat Ramu, Slim River di sini terdedah dengan bekalan air tercemar dan ancaman buaya berikutan terputus bekalan air bersih sejak tujuh bulan lalu.

Masalah sama turut membelenggu tiga lagi kampung orang asli iaitu Kampung Su-

ngai Teras, Kampung Buluh Seruas dan Kampung Sungai Jentong berikut pam yang menyedut sumber air mentah dari bawah tanah yang menyalur ke rumah penduduk telah rosak akibat tekanan air rendah.

Tok Batin, Latah Merah berkata, penduduk terpaksa bergantung sepenuhnya kepada air telaga dan Sungai Bernam berhampiran untuk menjalani kehidupan harian.

Malang turut bertimpah apabila Lembaga Air Perak (LAP) telah menghentikan penghantaran air bersih kerana keadaan jalan selain tidak boleh melalui jambatan ke kampung tersebut.

“Kami tiada pilihan lain menggunakan sungai yang terletak kira-kira 500 meter untuk basuh pakaian dan mandi.

“Penduduk terdedah dengan air sungai yang tercemar, arus deras serta dihuni buaya. Risiko



Penunggang motosikal terpaksa melalui jambatan yang ditutup untuk ke Kampung Changkat Ramu kerana jaraknya lebih dekat. Gambar kecil: Latah.

inilah yang terpaksa kami tempuh setiap hari,” katanya ketika ditemui media di sini.

Menurutnya, penduduk membelanjakan hampir RM100 sebulan untuk membeli air untuk minuman dan memasak.

“Bagi yang berkemampuan tiada masalah tetapi bagaimana mereka yang tidak mampu? Sekiranya hujan boleh juga tada air tetapi sekarang musim panas.

“Setiap kali jumpa penduduk mereka akan bertanya bila masalah air akan selesai. Kami tidak mahu menunggu lama lagi dan berharap ada bekalan air daripada LAP secepat mungkin,” katanya.

Seorang penduduk, Hanjati Merah, 56, terpaksa menggunakan tulang empat keratnya untuk mengangkut air dari te-



Hanjati mengangkut air dari telaga setiap hari untuk kegunaan harian.

laga setiap hari untuk kegunaan harian termasuk memandikan suaminya.

Menurutnya, ia terpaksa dilakukan bersendirian kerana suaminya kini tidak boleh berjalan selepas kemalangan mo-

tosikal empat bulan lalu.

“Air sama digunakan untuk masak dan minum meskipun air itu berbau. Kadang-kadang air keruh dan berkeladak waktu hujan tapi kami tiada pilihan,” katanya.



Penduduk, Muzalan Dolah, 47, menunjukkan tangki air kosong selepas pam yang menyedut air bawah tanah rosak.

Sambung semula projek elektrik tertangguh



Ramesh bersama penduduk Kampung Sungai Teras.

TANJUNG MALIM - Lebih 40 rumah orang asli di Sungai Teras di sini masih belum dapat menikmati kemudahan elektrik meskipun kampung itu terletak kira-kira enam kilometer dari pekan Slim River.

Seorang penduduk, Rosnah Rosli, 28, berkata, beliau teringin menikmati kemudahan itu dan mengenali teknologi terkini seperti komputer, telefon bimbit dan televisyen.

“Anak-anak mahu belajar dan ia sukar apabila menggunakan pelita dan lilin. Kadang-kala mereka menangis kerana mahu menonton televisyen.

“Kami berkongsi dengan jiran-jiran untuk membeli jana kuasa tetapi sekejap sahaja boleh guna kerana berkongsi duit minyak,” katanya.

Tok Batin, Kuloh Bah Rinteh, 62, berkata, pihaknya merayu kerajaan dapat menyambung semula projek elektrik yang tertangguh selama 22 bulan lalu.

“Tiang elektrik sudah ada dan sepatutnya kami dapat elektrik dua tahun lalu tetapi ia ditangguhkan apabila projek sambung elektrik ke rumah dihentikan.

jalan sambung kemudahan ini tetapi tidak kesampaian. Arwah selalu menjaga kami,” katanya.

Sementara itu, aktivis dan Pengasas Koperasi Pembangunan Orang Asli, Ramesh Arumugam Chettiar berkata, kerajaan perlu menambah baik semua kemudahan dan infrastruktur agar masyarakat itu tidak dipinggirkan dalam menerima pembangunan negara.

“Sebahagian mereka adalah pengundi yang berhak menerima pembangunan sewajarnya daripada kerajaan.

“Projek fasiliti untuk penduduk telah 80 peratus disiapkan dan diharapkan ia dapat diteruskan untuk penduduk menikmati pembangunan dan kemudahan sama seperti penduduk di bandar,” katanya.